

APLIKASI “EMPAT WARNA” DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENYAMBUNG HURUF NGA (ڤ) BAGI MURID TAHUN 4

Oleh

MOHD RIDZUAN BIN ATEM
wanatem_ipbl.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji keberkesanan aplikasi “empat warna” dalam meningkatkan kemahiran menyambung huruf Nga (ڤ) bagi murid Tahun 4. Dalam masa yang sama, saya berpeluang menambah baik amalan keguruan dari segi pengajaran saya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini telah dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Sehiiau Daun (bukan nama sebenar) di Kuching, Sarawak. Data dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian, temu bual serta ujian Pra dan ujian Pos. Hasil analisis data mendapati keempat-empat peserta kajian menunjukkan peningkatan markah yang ketara dalam ujian pos. Keputusan kajian menunjukkan bahawa aplikasi “empat warna” berkesan dalam membantu murid menyambunghuruf Nga(ڤ)dengan betul disamping memupuk rasa minat murid terhadap pelajaran Jawi. Adalah diharapkan dengan terhasilnya kajian ini nanti akan memberi manfaat kepada para guru dalam pengajaran mereka, dan kepada barisan penggubal kurikulum agar menjadikannya salah satu model pengajaran dan pembelajaran kepada guru-guru di sekolah.

Kata kunci : empat warna, pemerhatian, temu bual, serta ujian pra dan pos

ABSTRACT

This study was carried out to investigate the effect of using Application “four colours” in helping students year Four to master *Jawi* writing word *Nga* (ڤ). In the other hand, I can improve my teaching skill by this tesis. The study was conducted in SekolahKebangsaan Sehiiau Daun (not the real name) Kuching, Sarawak. The data was collected through observation, interview , pre-test and post-test. The data analysis found out that the four participants have shown a significant improvement on their post-test marks. Hence, the findings have shown that the use application four colours is effective in helping the students who were problem in writing word of *Nga* (ڤ)while fostering their interest in education of *Jawi*.The findings of this study is intended to benefit teachersintheirteaching, andtothe curriculum developer as to make it one of the models of teaching and learning for teachers in schools.

Keywords: Four Colours, observation, interview, pre-test and post-test.

PENGENALAN

Konteks

Penyelidikan tindakan yang saya jalankan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menyambung huruf Nga(ڤ) bagi murid tahun 4 dan melihat implikasi daripada aplikasi empat warna dalam pengajaran jawi yang saya hasilkan. Aplikasi empat warna ini merupakan salah satu kaedah pengajaran jawi yang saya hasilkan. Ianya berkaitan dengan gabungan elemen warna dalam penulisan huruf jawi khususnya bagi huruf Nga (ڤ). Huruf Nga(ڤ) mempunyai empat bentuk cara penulisan yang berbeza mengikut tempat letak huruf di dalam perkataan. Bentuk huruf Nga(ڤ) di depan berbeza daripada bentuk huruf Nga(ڤ) di tengah, hujung dan tunggal di hujung. Permasalahan ini yang sering wujud dalam kalangan murid apabila berhadapan dengan penulisan sambungan huruf Nga (ڤ). Justeru itu, aplikasi empat warna ini saya ketengahkan bagi mengatasi masalah yang di hadapi oleh murid dengan memasukkan elemen warna bagi mewakili setiap bentuk penulisan bagi huruf Nga(ڤ).

Pemilihan warna amat penting di mana warna yang digunakan boleh mempengaruhi minda dan pemahaman murid. Aplikasi warna dalam kajian turut memberi kesan kepada peningkatan murid dalam kemahiran jawi. Sebagai seorang guru, pengetahuan asas mengenai warna penting bagi membantu untuk menonjolkan mesej yang hendak disampaikan kepada anak didiknya (Noriati, et al., 2009). Empat warna yang saya gunakan ialah hijau, kuning, merah dan ungu. Setiap warna memberi pengertian dan penerangan tersendiri. Warna hijau, kuning dan merah dipilih melalui warna yang sering di perhatikan di jalan raya iaitu warna bagi lampu isyarat. Manakala warna ungu di pilih bagi menggambarkan keteguhan individu. Setiap warna mewakili bentuk penulisan huruf Nga (ڤ) yang berbeza. Secara tidak langsung, aplikasi warna ini turut meningkatkan daya ingatan murid dalam pembelajaran. Ini dapat di lihat melalui hasil dapatan kajian yang telah saya jalankan.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Sewaktu menjalani praktikum bagi fasa 3, dapat saya perhatikan dimana tahap penguasaan murid dalam bidang jawi agak lemah. Permasalahan ini juga saya alami sewaktu praktikum bagi fasa 1 dan 2. Melalui pemerhatian awal, murid kurang minat mempelajari bidang jawi disebabkan oleh kaedah pengajaran yang lebih berpusatkan guru dan kurangnya pendedahan berkaitan dengan bidang jawi. Dalam bidang jawi, terdapat beberapa kemahiran yang dipelajari. Bagi penyelidikan tindakan ini, saya lebih menitik beratkan kepada penguasaan kemahiran menulis. Ini bertepatan dengan kajian Ismail Abbas dan Fadzillah Mustapa (2007), berpendapat bahawa kemahiran menulis perlu dikuasai oleh murid kerana kemahiran ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan kemahiran membaca. Kemahiran menulis merupakan alat penting yang perlu dikuasai oleh murid untuk menurunkan semula segala isi pelajaran dan melahirkan buah fikiran melalui apa yang dibaca. Sepanjang praktikum yang saya alami, dapat saya simpulkan di mana murid sering menghadapi masalah sewaktu menyambung huruf Nga (ڤ). Dapatan awal saya perolehi menunjukkan bahawa sebilangan besar murid keliru dalam menyambung huruf Nga (ڤ) dan tidak dapat menentukan bentuk huruf Nga (ڤ) dalam perkataan.

Fokus Kajian

Fokus kajian bagi penyelidikan tindakan ini ialah meningkatkan kemahiran menyambung huruf Nga (ڤ) bagi murid tahun 4 dengan menentengahkan aplikasi empat warna.

Objektif Kajian

Objektif umum:

Mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam penulisan jawi.

Objektif khusus:

- a) Mengenal pasti penguasaan penulisan sambungan huruf jawi(ڤ).
- b) Mengenal pasti tahap pemahaman murid dalam bidang jawi berdasarkan kaedah aplikasi “empat warna” dalam pengajaran dan pembelajaran jawi.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- a) Adakah aplikasi warna dalam penulisan jawi dapat meningkatkan amalan pengajaran saya dalam Pengajaran Jawi?
- b) Adakah penggunaan warna dalam menyambung huruf Nga(ڤ) dapat membantu murid menguasai kemahiran menulis jawi?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN


Perancangan Tindakan

Melihat kepada permasalahan yang timbul dalam kalangan peserta kajian, antara perancangan tindakan yang saya laksanakan ialah dengan menjalankan ujian diagnostik bagi memperolehi dapatan awal kajian. Ujian di analisis dan setiap permasalahan bagi sambungan huruf Nga (ڤ) dipecahkan kepada empat bahagian iaitu masalah sambungan huruf Nga (ڤ) di depan, tengah, hujung dan tunggal di hujung. Kaedah aplikasi “empat warna” saya ketengahkan bagi mengatasi masalah ini.

Pelaksanaan Tindakan

Bagi memudahkan murid untuk menyambung perkataan jawi yang telah ditentukan, saya telah mencerakinkan setiap huruf dalam perkataan yang terdapat huruf Nga(ڤ) menjadi tunggal dan murid dapat melihat bentuk huruf pada asalnya sebelum disambungkan. Disini saya telah mengaplikasikan kaedah warna bagi mengkategorikan sambungan huruf Nga (ڤ) dihadapan, Nga (ڤ) ditengah, sambungan Nga(ڤ) dihujung dan huruf Nga (ڤ) tunggal dihujung . Penggunaan warna iaitu hijau, kuning dan merah diadaptasikan daripada penggunaan warna yang sering dilihat oleh murid iaitu warna untuk lampu isyarat di jalan raya dan warna ungu digunakan untuk mewakili huruf Nga (ڤ) tunggal di hujung. Apabila ditunjukkan warna hijau, pemikiran murid akan tertumpu kepada bentuk sambungan huruf Nga(ڤ) dihadapan. Bagi warna kuning pula, murid akan terus memikirkan bentuk sambungan huruf Nga(ڤ) ditengah dan seterusnya bagi warna merah pula, pemikiran murid akan terus dirangsang kepada bentuk sambungan huruf Nga

(ﻍ)dihujung. Seterusnya warna ungu mewakili huruf Nga (ﻍ)tunggal di hujung perkataan. Rajah 1.1 menunjukkan warna dan bentuk huruf Nga (ﻍ).



Rajah 2.1. menunjukkan warna dan bentuk huruf Nga(ﻍ).

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kumpulan sasaran saya seramai 25 orang yang terdiri daripada 15 murid perempuan dan 10 murid lelaki. Fokus kajian saya tertumpu kepada 4 orang murid, seorang murid perempuan dan tiga orang murid lelaki dari kelas 4 Kuning di Sekolah Kebangsaan Se hijau Daun. Saya memilih untuk menjalankan kajian ke atas 4 orang murid ini kerana mereka menghadapi masalah yang sama dalam kemahiran menulis jawi. Antara mereka menghadapi masalah menyambung huruf Nga (ﻍ) di hadapan perkataan, ditengah dan dihujung perkataan. Justeru itu, saya memilih untuk membuat kajian yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam penulisan jawi.

Peserta yang diambil mengalami masalah melalui pemerhatian dan ujian yang telah dijalankan. Jadual menunjukkan peserta kajian bagi penyelidikan tindakan saya (Sila rujuk Jadual 3.1)

Jadual 3.1. Ciri-Ciri Peserta Kajian Penyelidikan Tindakan.

Murid-murid	Ciri-ciri Murid
Peserta 1	Lelaki. Pencapaian akademik kurang memuaskan. Tidak becermin mata dan aktif.
Peserta 2	Lelaki. Pencapaian akademik sederhana. Seorang pendiam dan pemalu
Peserta 3	Lelaki. Pencapaian akademik lemah. Tidak becermin mata dan agak pendiam.
Peserta 4	Perempuan. Pencapaian akademik sederhana. Pendiam dan pemalu.

Etika Penyelidikan

Penyelidikan tindakan ini membolehkan saya mempelajari betapa pentingnya sesuatu etika bagi memastikan kelancaran sesuatu rancangan. Bagi penyelidikan yang saya jalankan, etika kerahsiaan saya aplikasikan. Saya telah menyediakan borang bagi persetujuan setiap peserta kajian untuk menjadi peserta dalam kajian yang saya jalankan. Kesahan maklumat turut saya tekankan dalam penyelidikan yang di jalankan ini.

Teknik Mengumpul Data Pemerhatian

Pengumpulan data dilaksanakan dengan beberapa kaedah, pertama iaitu kaedah pemerhatian. Saya memerhati tingkah laku murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan didalam kelas.Selain itu, melihat kemampuan murid untuk menyambung huruf-huruf jawi setelah pengajaran guru.Di samping itu, menguji kemahiran menulis murid-murid dalam menyambung huruf-huruf jawi dengan betul berdasarkan aplikasi warna yang digunakan.

Temu bual

Bagi kaedah yang kedua, saya menggunakan kaedah temu bual.Melalui kaedah ini, saya mengumpul maklumat murid dengan mengambil kira tahap penguasaan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam terutamanya bidang jawi. Saya juga cuba mengetahui kaedah pembelajaran yang diminati oleh murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi memudahkan cara memahami tajuk dan mencapai aras.Selain itu, mengetahui perasaan murid menggunakan aplikasi warna yang diterapkan dalam kaedah penyambungan huruf jawi dan membuat temu bual untuk mengetahui sejauh mana penerimaan dan pemahaman murid serta penerimaan murid melalui aplikasi warna yang digunakan.

Ujian

Menurut Cronbach (1970), ujian ialah satu prosedur yang sistematik untuk memerhati perlakuan atau tingkah laku seseorang individu dan menghuraikan dengan bantuan skala bernombor, atau satu sistem yang berkategori. Secara ringkas, pengujian ialah satu prosedur yang sistematik bagi mengukur perubahan tingkah laku murid. Tujuannya adalah untuk menentukan pencapaian murid dalam sesuatu pembelajaran. Ujian boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk antaranya pemerhatian, ujian lisan mahupun ujian bertulis. Bagi penyelidikan tindakan ini, saya menggunakan ujian Pra dan ujian Pos bagi peserta kajian.

Teknik Menganalisis Data Pemerhatian

Melalui kaedah ini, saya dapat membuat pemerhatian awal dan mengenal pasti kelemahan peserta kajian. Kaedah ini dilakukan pada awal kajian dan pemerhatian melibatkan satu sesi kajian awal dan pemerhatian dilakukan sewaktu penggunaan aplikasi yang dirancang. Fokus utama pemerhatian saya adalah semasa proses pengajaran yang dilaksanakan. Item-item pemerhatian yang telah dirancang akan membantu saya mengesan keberkesanan cara ini kepada murid-murid.Saya menggunakan nota lapangan bagi setiap kali pelaksanaan penyelidikan tindakan saya.Contoh bagi nota lapangan boleh dilihat dalam Rajah 3.1.

NOTA LAPANGAN	
Tarikh	: 20 Mac 2012 (Selasa)
Masa	: 0830- 0930
Aktiviti	: Aplikasi empat warna
Catatan	:
	Saya memperkenalkan kaedah aplikasi empat warna kepada murid-murid. Mereka memahami kaedah dan cara yang saya aplikasikan dan cuba menjawab soalan-soalan di dalam lembaran kerja yang di agihkan.

Rajah 3.1. Catatan nota lapangan

Melalui penulisan nota lapangan tersebut, dapat diperhatikan dimana murid-murid memberi tumpuan sepenuhnya kepada sesi penerangan dan pengajaran yang disampaikan. Jelas dari raut wajah peserta kelihatan lebih yakin sewaktu menjawab soalan-soalan yang di berikan dengan kaedah aplikasi warna tersebut.

Temu Bual


Kaedah ini juga, ia dapat membantu saya mengetahui respon murid terhadap penggunaan aplikasi empat warna tersebut secara terus daripada mereka. Adakah murid-murid saya suka menggunakan cara ini semasa belajar jawi atau sebaliknya. Rajah 1.2 merupakan salah satu contoh skrip temu bual bersama salah seorang peserta kajian saya.

Saya	: Mudah ke susah untuk cari jawapan dengan
Aplikasi empat warna?	
Peserta kajian 1	: Mudah dan cepat
Saya	: Menarik atau tidak bila gunakan kaedah
warna?	
Peserta kajian 1	: Ya, cukup menarik dan cepat ingat

Rajah 3.2. Skrip temu bual bersama peserta kajian 1

Ujian

Ujian dijalankan bagi memperoleh dan menilai masalah yang dihadapi oleh murid. Melalui ujian yang dijalankan, ianya turut memudahkan saya untuk menilai serta mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi oleh sampel yang dikaji. Dalam penyelidikan tindakan ini, saya menjalankan ujian pra dan ujian pos. Melalui ujian tersebut, data dianalisis dan secara keseluruhannya, dapat di lihat peratusan kenaikan markah bagi setiap peserta kajian. Rajah 3.3 menunjukkan hasil ujian yang di jalankan.



Rajah 3.3. Ujian pra dan ujian pos bagi peserta kajian 4

Keputusan keseluruhan ujian telah di murnikan dan di masukkan ke dalam bentuk jadual. Peningkatan peratusan markah peserta kajian dapat diperhatikan. Aplikasi empat warna yang digunakan amat bersesuaian dengan keempat-empat peserta kajian.

Jadual 3.2. Peratusan peningkatan penyambungan huruf Nga (ങ)

Peserta Kajian	Nga di depan, (%)	di hijau (%)	Nga di tengah, Kuning (%)	Nga di hujung, Merah (%)	Nga tunggal di hujung, Ungu (%)
Peserta 1	100		100	100	100
Peserta 2	100		100	75	100
Peserta 3	100		100	100	75
Peserta 4	100		100	100	100

Teknik Menyemak Data

Setiap data yang di ambil di simpan dan di analisis. Teknik menyemak data yang saya gunakan ialah melalui triangulasi. Tujuan triangulasi ini ialah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah di ambil. Triangulasi kaedah dan sumber digunakan untuk menyemak data. Saya menggunakan catatan nota lapangan, gambar, transkrip bagi tujuan ini. Sumber seperti lembaran kerja, buku latihan di semak oleh saya dan guru pembimbing bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam bidang penulisan jawi.

REFLEKSI


Refleksi Dapatan Adakah aplikasi empat warna dalam penulisan jawi dapat meningkatkan amalan pengajaran saya dalam Pengajaran Jawi?

Jawi merupakan salah satu bidang yang terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Murid-murid telah di dedahkan dengan beberapa kemahiran yang diterapkan melalui pengajaran jawi. Antara kemahiran yang terkandung dalam bidang ini ialah kemahiran menulis jawi. Aplikasi empat warna yang saya ketengahkan ini merupakan salah satu kaedah bagi meningkatkan penguasaan murid dalam penulisan jawi sekaligus membantu bagi menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Melalui pembacaan saya, Pelajaran Jawi KBSR merupakan satu mata pelajaran yang memberi penekanan kepada kemahiran membaca dan menulis jawi. Walau bagaimanapun tidak semua murid berminat terhadap mata pelajaran ini. Justeru itu, melalui kaedah yang saya ketengahkan yakni aplikasi warna berjaya menarik minat dan dapat mengubah pemikiran murid bahawa bidang jawi merupakan salah satu bidang yang tidak membosankan malahan ia suatu yang begitu menyeronokkan. Saya memilih untuk menggunakan kaedah ini dalam penyelidikan tindakan saya kerana saya berpendapat kaedah ini bersesuaian untuk murid saya.



Rajah 4.1. Pengenalan kaedah aplikasi empat warna kepada murid-murid. (25 Mac 2012)

Dalam proses pengajaran jawi ini, aplikasi empat warna yang saya ketengahkan bertujuan untuk memudahkan murid mengingati bentuk-bentuk huruf dan ianya juga bertujuan bagi memastikan adakah huruf jawi tersebut dapat di sambung atau pun tidak. Ibnu Zaid (2010) dalam kajiannya juga mendapati di antara kelemahan terbesar murid dalam bidang jawi adalah kemahiran membezakan bentuk huruf-huruf jawi. Rajah 4.2 menunjukkan peningkatan dalam penulisan jawi.



Rajah 4.2. Peningkatan dalam penulisan jawi.

Adakah penggunaan warna dalam menyambung huruf Nga (ڠ) dapat membantu murid menguasai kemahiran jawi?

Aplikasi empat warna telah membantu saya dalam membolehkan murid-murid memahami bentuk-bentuk huruf Nga (ڠ) dan sambungan huruf-huruf jawi. Kaedah ini memudahkan murid dan dapat mengembangkan daya ingatan serta menambahkan keyakinan dalam diri sewaktu pengajaran jawi. Pada awalnya, ada dalam kalangan murid masih keliru dan kurang jelas sewaktu hendak menjawab soalan, namun selepas diterangkan cara penggunaan aplikasi warna, kemahiran berfikir murid-murid berkembang dan daya ingatannya bertambah.

Aplikasi warna dalam kajian turut memberi kesan kepada peningkatan murid dalam kemahiran jawi. Sebagai seorang guru, pengetahuan asas mengenai warna penting bagi membantu untuk menonjolkan mesej yang hendak disampaikan kepada anak didiknya (Noriati, et al., 2009). Menurut Hajjiah Hassan (2008) (dalam Juliza Rosli, 2010), penggunaan warna dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu murid-muridnya menguasai konsep ditumpukan. Jadual 4.1 menunjukkan peningkatan peratusan murid dalam menyambung huruf Nga (ڠ). Ujian pra dan pos digunakan untuk mengumpul data.

Jadual 4.1. Keputusan ujian pra dan pos

Peserta Kajian	Nga di depan		Nga di tengah		Nga di hujung		Nga tunggal di hujung	
	Pra	Pos	Pra	Pos	Pra	Pos	Pra	Pos
Peserta 1	50	100	50	100	50	100	50	100
Peserta 2	25	75	25	75	50	50	50	75
Peserta 3	25	75	50	75	25	75	25	50
Peserta 4	75	100	50	75	50	100	75	100

Keempat-empat peserta kajian telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran menyambung huruf Nga (ڤ) dengan betul. Aplikasi ini memberi peluang kepada mereka lebih aktif dan melibatkan diri sepenuhnya sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Prestasi turut meningkat dan aplikasi ini telah menarik minat mereka untuk lebih mencintai tulisan jawi.

Refleksi Penilaian tindakan

Penyelidikan tindakan ini telah memberi impak yang positif dalam diri peserta kajian. Hasilnya dapat saya perhatikan sewaktu mereka melaksanakan tugas yang diberikan, dimana keyakinan diri begitu tinggi serta dapat menjawab permasalahan yang berkaitan dengan penyambungan huruf jawi dengan betul dan tepat. Dengan menggunakan aplikasi ini, para peserta kajian berpeluang mempelajari kaedah penyambungan dan perbezaan bentuk huruf jawi dengan lebih mudah. Ibnu Zaid (2010) dalam kajiannya juga mendapati di antara kelemahan terbesar murid dalam bidang jawi adalah kemahiran membezakan bentuk huruf-huruf jawi. Perubahan ketara dapat diperhatikan melalui pemerhatian dan penulisan hasil kerja murid. Kertas jawapan murid kelihatan bersih tanpa kesilapan sekaligus menunjukkan bahawa keyakinan diri bertambah dan kesilapan dalam penyambungan huruf jawi dapat di atasi. Kemahiran berfikir dan mengingat turut dapat dirangsang dalam kalangan murid.

Melalui penyelidikan yang saya jalankan ini juga, ianya ternyata sesuai dijalankan bagi murid yang mengalami masalah dalam jawi terutamanya penyambungan huruf Nga (ڤ). Ini turut membantu pihak sekolah meningkatkan prestasi murid dalam pengajaran jawi.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Melalui penyelidikan tindakan yang saya laksanakan ini, saya berpeluang meningkatkan amalan pengajaran dan mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi memastikan tidak timbul masalah pembelajaran jawi dalam kalangan murid. Punca masalah dapat dikenal pasti dan kaedah penyelesaian yang sesuai diketengahkan iaitu aplikasi warna dan permainan dalam pengajaran. Setiap warna yang dipilih mempunyai fungsi dan rasional tersendiri. Warna-warna yang saya pilih bersifat cerah dan menonjol. Ini bertujuan untuk merangsang pemikiran serta ingatan murid supaya lebih aktif.

Selain itu, saya berpeluang untuk lebih mendalami permasalahan yang timbul dalam kalangan murid dan cuba membantu mereka agar tidak tercicir dalam pembelajaran. Sikap keprihatinan dapat saya pupuk dalam diri dan hubungan antara murid turut dapat dieratkan. Kepelbagaian kaedah mengajar juga dapat saya praktikkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini amat penting bagi memastikan murid tidak bosan dengan sesi pengajaran yang mendatar dan lesu sepanjang masa.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Murid dapat menguasai penulisan bagi huruf Nga (ڤ) dan dapat mengenal pasti bentuk-bentuk huruf tersebut. Namun, terdapat sedikit permasalahan kecil timbul di mana salah seorang peserta kajian keliru dalam menyambung huruf Nga (ڤ) apabila bertemu dengan huruf "AVU ZAR ZAD". Huruf Nga (ڤ) tidak akan dapat di sambung apabila berada di belakang huruf "AVU ZAR ZAD". Bentuk Nga (ڤ) akan kembali kepada bentuk tunggal atau bentuk huruf Nga(ڤ) di depan. Di sini, saya menjadikannya sebagai salah satu kajian lanjutan dan akan mewujudkan satu kaedah bagi mengatasi masalah tersebut.

RUJUKAN

- Ahmad b. Mohd Salleh (1995), Pendidikan Islam (Dinamika Guru) Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hajjiah, H. (2008). Kaedah Mesra Warna (Di Kalangan Murid Tingkatan Lima), Kajian dibentangkan pada Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar.
- Ismail Abbas, Fadzillah Mustapa. (2007). HBIS 1103 Pengenalan Pendidikan Islam. UNITEM Sdn. Bhd.Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan (Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan). Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nik Rosila Nik Yaacob, (2007) *Penguasaan Jawi Dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam*. Malaysian Journal of Educators and Education, 22 . pp. 161-172